



## **NEGERI SABAH**

[JPAN: 700-4/2 JLD.6/( 41 )]

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 9/2021**

### **SUMBANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI KEPADA TABUNG BENCANA NEGERI (COVID-19) SABAH**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan mengurangkan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) untuk disalurkan ke dalam Akaun Amanah Bencana (COVID-19) Sabah.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pada masa kini, negeri berhadapan dengan cabaran kritikal disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 yang berpanjangan yang telah memberi kesan kepada seluruh rakyat di Negeri Sabah.
3. Sebagai tanda keprihatinan penjawat awam kepada rakyat Sabah yang terkesan akibat pandemik COVID-19, Pengurusan Tertinggi di Perkhidmatan Awam Negeri Sabah memutuskan penjawat awam negeri Gred 29 hingga Turus turut menyumbang kepada Tabung Bencana Negeri (COVID-19) Sabah melalui pengurangan sebahagian dari Imbuhan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) untuk tempoh dua (2) bulan.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## PELAKSANAAN

4. Pegawai yang terlibat dalam pengurangan elaun adalah pegawai-pegawai Gred 29 hingga Turus yang menerima emolumen [Imbuan Tetap Keraian (ITK)/Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)] yang dilantik secara sementara, tetap, kontrak, memangku dan dipinjamkan/ditukar lantik sementara bagi tempoh Julai dan Ogos 2021.

5. Pengurangan Imbuan Tetap Keraian (ITK)/Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) adalah berdasarkan peratusan daripada kadar (ITK) atau (ITKA) semasa mengikut gred seperti yang berikut:

| GRED   | KADAR SUMBANGAN                     | TEMPOH   |
|--|-------------------------------------|--|
| i. Gred Utama A/Gred Khas A dan setara ke atas | 50% daripada ITK yang diterima      | <b>Julai dan Ogos<br/>2021<br/>(Dua bulan)</b> |
| ii. Gred Utama B/Gred Khas B dan setara        | 20% daripada ITK yang diterima      |  |
| iii. Gred Utama C/Gred Khas C dan setara       | 10% daripada ITK yang diterima      |  |
| iv. Gred 43 – 56 dan setara                    | 5% daripada ITK yang diterima       |  |
| v. Gred 29 – 42 dan setara                     | RM10.00 daripada ITKA yang diterima |  |

6. Pengurangan elaun bagi pegawai yang memangku, pinjaman atau tukar lantik sementara adalah berdasarkan kadar semasa yang diterima.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

7. Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pengurangan ITK atau ITKA mengikut kadar sumbangan dan tempoh berdasarkan ketetapan di perenggan (5) di atas.

## TANGGUNGJAWAB JABATAN BENDAHARI

8. Jabatan Bendahari akan membuat pemotongan secara automatik ITK atau ITKA bagi penjawat awam yang dibayar gaji melalui *system payroll* mengikut kadar seperti yang telah ditetapkan di perenggan (5) di atas.

## PESARA

9. Bagi tujuan pengiraan faedah persaraan pegawai yang bersara dalam tempoh ini, kadar ITK atau ITKA asal akan diguna pakai dan tidak akan menjejaskan pemberian faedah persaraan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

## PENGECUALIAN

10. Pelaksanaan ini **dikecualikan** kepada Anggota Barisan Hadapan (*frontliners*) merangkumi petugas-petugas Kesihatan dan bukan Kesihatan yang terlibat secara langsung bagi pembendungan serta pengawalan wabak COVID-19 tertakluk kepada pengesahan Ketua Jabatan masing-masing.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

12. Pelaksanaan pengurangan ini turut dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

## “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[ DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG J.P.]  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **30 Jun 2021**

s.k.: Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Level 8,9,10 dan 11, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

**“SABAH MAJU JAYA”**

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**“SABAH MAJU JAYA”**

**SOALAN LAZIM**  
**PELAKSANAAN SUMBANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI KEPADA**  
**TABUNG BENCANA NEGERI (COVID-19) SABAH**

| BIL. | SOALAN  | JAWAPAN   |
|------|---|---|
| 1.   | Siapakah yang terlibat dalam pelaksanaan sumbangan kepada Akaun Amanah Bencana Negeri?  | Semua penjawat awam daripada Gred 29 hingga Turus yang menerima emolumen [Imbuan Tetap Keraian (ITK)/ Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)] bagi tempoh Julai hingga Ogos 2021.   |
| 2.   | Bagaimanakah kaedah sumbangan ITK/ITKA ini akan dilaksanakan?   | <p>Sumbangan ini akan dibuat oleh Ketua Jabatan melalui pengurangan ITK/ITKA pada bulan Julai hingga Ogos 2021.</p> <p>Bagi penjawat awam yang dibayar melalui <i>system payroll</i> pengurangan ITK/ITKA akan dibuat secara automatik oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah pada bulan Julai dan Ogos 2021</p> |
| 3.   | Adakah sumbangan ITK dan ITKA berdasarkan kadar yang ditetapkan mesti disalurkan ke Akaun Amanah Bencana?   | Ya, sumbangan ini mesti disalurkan ke Akaun Amanah Bencana Negeri Sabah.  |
| 4.   | Adakah pegawai bukan dari sektor kesihatan yang bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) termasuk dalam tafsiran Anggota Barisan Hadapan?               | Ya. Tertakluk kepada pengesahan oleh Ketua Jabatan bahawa pegawai terlibat bertugas setiap hari di pusat Pemberian Vaksin (PPV).  |
| 5.   | Adakah pegawai yang sedang Cuti Tanpa Gaji (CTG) turut terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini?  | Tidak. Hanya pegawai yang menerima emolumen penuh atau separuh sahaja terlibat dalam pelaksanaan sumbangan penjawat awam kepada Akaun Amanah Bencana.   |
| 6.   | Adakah penjawat awam boleh membuat sumbangan tambahan?  | Ya, sumbangan tambahan amatlah dialu-alukan.  |
| 7.   | Adakah pegawai yang sedang bercuti bergaji penuh/ separuh gaji turut terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini dan berapakah kadar yang perlu disumbang? | <p>Ya, semua pegawai yang menerima emolumen sama ada penuh atau separuh turut terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ITK/ITKA kepada Akaun Amanah Bencana.</p> <p>Amaun sumbangan adalah berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan daripada amaun ITK/ITKA yang sedang diterima pegawai.</p>               |

**SOALAN LAZIM**  
**PELAKSANAAN SUMBANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI KEPADA**  
**TABUNG BENCANA NEGERI (COVID-19) SABAH**

| BIL. | SOALAN  | JAWAPAN  |
|------|---|--|
| 8.   | Sekiranya pembayaran gaji bulan Julai telah diproses tanpa mengambil kira sumbangan, adakah pelarasan sumbangan ini masih perlu dibuat?   | Ya, pelarasan sumbangan hendaklah dibuat mengikut ketetapan yang dikeluarkan.  |
| 9.   | Bagi pegawai yang sedang dipinjamkan atau ditukar sementara ke agensi kerajaan Malaysia, apakah kadar sumbangan yang perlu dibuat?  | Kadar sumbangan bagi pegawai yang sedang dipinjamkan atau ditukar sementara di agensi kerajaan adalah berdasarkan kadar ITK/ITKA yang sedang diterima.   |
| 10.  | Bagi pegawai yang sedang memangku, berapakah kadar sumbangan yang akan dibuat?  | Sumbangan ITK/ITKA adalah berdasarkan gred yang sedang dipangku.   |
| 11.  | Sekiranya pegawai bersara/ meninggalkan perkhidmatan/meninggal dunia pada 1 Julai 2021. Adakah pegawai terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini?                                | <p>Bagi pegawai yang bersara atau meninggalkan perkhidmatan pada 1 Julai 2021, pegawai tidak terlibat dengan pelaksanaan sumbangan ini kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 1 Julai 2021.</p> <p>Manakala, bagi pegawai yang meninggal dunia pada 1 Julai 2021, pegawai akan terlibat dengan pelaksanaan sumbangan ini kerana pegawai masih lagi dianggap berada dalam perkhidmatan pada 1 Julai 2021.</p> |
| 12.  | Sekiranya pegawai bersara/ meninggalkan perkhidmatan/meninggal dunia pada 15 Julai 2021. Adakah pegawai terlibat dalam pelaksanaan sumbangan ini? Berapakah kadar sumbangannya? | <p>Ya, kerana pegawai masih dalam perkhidmatan pada 1 Julai 2021.</p> <p>Namun, kadar sumbangan perlu dikira secara berkadar (<i>proportionate</i>) mengikut pengiraan emolumen pada bulan tersebut.</p>   |